



MODUL PINTAS SPM 2024
PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2024
PERNIAGAAN TINGKATAN 5
KERTAS 1

3766 / 1

1 Jam 15 Minit

PERNIAGAAN
KERTAS 1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

1 Antara berikut, manakah organisasi bukan bermotifkan keuntungan?

- A Pusat Jagaan Amal Kasih
- B Kedai Buku Bakti Ilmu
- C Koperasi Peladang Berhad
- D Bank Simpanan Nasional Berhad

2 Rajah 1 menunjukkan perubahan dalam milikan perniagaan.



Rajah 1

Apakah perubahan bentuk milikan perniagaan tersebut?

- A Francais
- B Usaha sama
- C Perkongsian
- D Perkongsian Liabiliti Terhad

3 Matlamat penubuhan adalah “milik bersama”.

Apakah milikan perniagaan yang terlibat?

- A Syarikat Awam Berhad
- B Perkongsian
- C Usaha sama
- D Koperasi

4 Maklumat berikut berkaitan dengan Zarif.

Zarif menjalankan perniagaan francais. Beliau perlu mematuhi sistem perniagaan yang telah ditetapkan.


Apakah peranan lain yang perlu dilakukan oleh Zarif?

- A Membayar fi berdasarkan perjanjian
- B Mengubah bentuk produk sedia ada
- C Melatih tenaga kerja secara berkala
- D Menjalankan aktiviti promosi berpusat

5 Antara berikut, yang manakah terlibat dengan sektor tertier?.

- A Projek pembinaan jambatan
- B Pengeluaran bahan perpaipan
- C Perusahaan ladang kelapa sawit
- D Pelancongan ke Pulau Kapas

6 Rajah 2 menunjukkan persamaan perniagaan bersaiz kecil dan sederhana.




Rajah 2

Apakah x ?.

- A Kos overhead rendah
- B Wujud pengkhususan
- C Mudah ditubuhkan
- D Fleksibel

7 Logo 1 menunjukkan sebuah agensi kerajaan.



Logo 1

Apakah peranan agensi tersebut?.

- A Menyediakan skim pembiayaan
- B Menggubal undang-undang pengguna
- C Mengembangkan latihan keusahawanan
- D Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan


8 Apakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?.

- A Memajukan industri tempatan
- B Menyediakan tapak perniagaan
- C Mewujudkan peluang dalam pelaburan
- D Menyediakan skim galakan yang kompetitif

- 9 Apakah cara untuk mengatasi masalah pengangguran bermusim?.
- A Meningkatkan kemahiran kerja yang pelbagai
 - B Menghadkan penggunaan teknologi
 - C Melaksanakan program subsidi upah
 - D Meningkatkan kadar faedah
- 10 Pihak kerajaan menggalakkan industri pengeluaran produk halal dalam memajukan ekonomi negara.

Apakah jenis pelepasan cukai yang terlibat?.

- A Potongan cukai
 - B Elaun pelaburan semula
 - C Elaun cukai pelaburan
 - D Taraf perintis
- 11 Logo 2 merupakan salah satu aplikasi dalam teknologi AI.



Logo 2

Apakah kesan dari aspek pasaran?.

- A Lambakan barang import
 - B Pengangguran akan meningkat
 - C Pembangunan dalam teknologi
 - D Perlindungan kepada pengguna
- 12 Maklumat berikut berkaitan faktor yang perlu dipertimbangkan untuk menghasilkan visi, misi dan objektif.

Perniagaan mempunyai kemampuan untuk terus bertahan dalam industri.

Apakah faktor tersebut?.


- A Kewangan
- B Daya saing
- C Pertumbuhan
- D Teknologi

13 Antara berikut, yang manakah kesan jika organisasi gagal mencapai objektif perniagaan?.

- I Kehilangan pelanggan
- II Keuntungan berkurang
- III Gagal dalam persaingan
- IV Jualan merosot

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Gambar 1 menunjukkan majalah Dewan Siswa.



Gambar 1

Saluran agihan manakah yang sesuai dengan produk tersebut?.

- A Pengeluar → pengguna
- B Pengeluar → peruncit → pengguna
- C Pengeluar → ejen → peruncit → pengguna
- D Pengeluar → pemborong → peruncit → pengguna

15 Susun tatacara pembelian dengan betul.

- I Membuat pesanan pembelian
- II Mencari pembekal yang sesuai
- III Menerima barang daripada pembekal
- IV Menerima sebut harga daripada pembekal

- A I, II, III, IV
- B II, IV, I, III
- C II, III, I, IV
- D IV, III, II, I

- 16 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan fungsian penyelidikan dan pembangunan?.
- A Menguruskan program perniagaan
 - B Mengawal pembelian bahan mentah
 - C Membantu melancarkan perniagaan
 - D Menghasilkan produk yang berkualiti
- 17 Gambar 2 menunjukkan platform jual beli produk dan perkhidmatan perniagaan dalam talian.



Gambar 2

Apakah aplikasi teknologi maklumat tersebut?.

- A e-dagang
 - B e-pemasaran
 - C e-government
 - D e-banking
- 18 Maklumat berikut menunjukkan peranan bahagian fungsian perniagaan.

- Menyediakan sebut harga.
- Melakukan rundingan dengan pengguna berkaitan dengan diskaun dan terma jual beli.

Apakah bahagian fungsian tersebut?.

- A Bahagian fungsian kewangan
 - B Bahagian fungsian pembelian
 - C Bahagian fungsian pemasaran
 - D Bahagian fungsian jualan
- 19 Pernyataan yang manakah menerangkan tentang pasaran baharu?.
- A Pasaran baharu yang diwujudkan khusus untuk produk yang baharu
 - B Pasaran baharu yang mempunyai pertambahan pengguna baharu
 - C Pasaran baharu yang ditawarkan bagi produk yang sedia ada
 - D Pasaran baharu yang berpotensi tetapi belum dipasarkan



20 Maklumat yang berikut mengenai Syarikat BS Sendirian Berhad.

Syarikat BS Sendirian Berhad bercadang untuk membekalkan kelengkapan perabot sekolah di sekitar Kuantan Pahang. Beliau perlu berhubung dengan pihak tertentu untuk mendapatkan kelulusan tender.

Apakah hubungan interaksi tersebut?.

- A Interaksi dengan pelanggan
- B Interaksi dengan pembekal
- C Interaksi dengan kerajaan
- D Interaksi dengan bank

21 Antara berikut, apakah yang perlu diberikan oleh majikan kepada pekerja yang telah menamatkan perkhidmatan?.

- I Elaun
- II Persaraan
- III Bayaran gratuity
- IV Komisen

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


22 Maklumat berikut berkaitan dengan amalan dalam sesebuah perniagaan.

Kaizen dan Zero Defect diamalkan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan.

Apakah peranan pengurusan sumber manusia yang terlibat?.

- A Meningkatkan latihan dan kemahiran
- B Memantapkan budaya profesional
- C Memberikan insentif yang munasabah
- D Menggalakkan kreativiti dan inovasi

23 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem penggajian.



Apakah X ?

- A Bonus tunai
- B Gaji asas
- C Komisen
- D Upah

24 Apakah agensi yang berkaitan dengan pengurusan harta intelek?.

- A MPC
- B MyIPO
- C MPOB
- D MARDI

25 Antara yang berikut, manakah merupakan sumber pembiayaan dalaman?.

- I Rizab
- II Pajakan
- III Modal permulaan
- IV Simpanan peribadi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Maklumat berikut berkaitan sejenis sumber pembiayaan luaran.

- Membeli akaun belum terima pada harga diskaun
- Mengatasi masalah aliran tunai perniagaan

Apakah jenis sumber pembiayaan tersebut?.

- A Pemfaktoran
- B Sewa Beli
- C Overdraf
- D Pajakan

27 Maklumat berikut mengenai Puan Alia.

Puan Alia memulakan perniagaan kedai bunga dengan menggunakan wang simpanannya sebanyak RM 30 000.

Apakah kelemahan sumber pembiayaan yang digunakan?

- A Jumlah modal terhad
- B Nilai cagaran tinggi
- C Memerlukan penjamin
- D Dikenakan bayaran tambahan

28 Antara berikut, manakah kos tetap?

- A Bil utiliti
- B Bahan mentah
- C Upah pekerja
- D Sewa premis

29 Antara yang berikut, manakah yang merupakan hutang perniagaan jangka panjang?

- I Gadai janji
- II Pinjaman bank
- III Overdraf bank
- IV Akaun belum bayar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Berikut adalah sebahagian Penyata Aliran Tunai bagi sesebuah perniagaan.

Penyata Aliran Tunai Bagi Bulan November 2021

BUTIRAN	NOV (RM)
Baki b/b	50,000
<u>Penerimaan</u>	
Jualan	30,500
Pinjaman	Y
Jumlah penerimaan	80,000

Kira nilai Y.

- A RM 25, 000
- B RM 49, 500
- C RM 80, 500
- D RM 30, 000


31 Butiran berikut dipetik daripada penyata kewangan dalam sesebuah perniagaan.

BUTIRAN	RM
Modal awal	40,000
Jumlah belanja	10,000
Komisen diterima	1,000
Untung kasar	19,000

Hitung untung bersih perniagaan tersebut?.

- A RM 29,000
- B RM 10,000
- C RM 20,000
- D RM 21,000

32 Graf 1 merupakan titik pulang modal.



Graf 1

Manakah kos tetap?.

- A r
- B s
- C t
- D u

33 Apakah kelebihan menjadi usahawan kepada keluarga?.

- A Mewujudkan sikap berdikari
- B Membuka peluang pekerjaan
- C Memupuk minat keusahawanan
- D Memenuhi keperluan dan kehendak

- 34 Antara berikut, yang manakah tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- A Perniagaan Bintang PLT
 - B Perniagaan Seri Andaman
 - C Syarikat Seri Purnama Berhad
 - D Syarikat Sejati Sejiwa Sdn. Bhd.

- 35 Maklumat berikut berkaitan En. Ezham.

En. Ezham merupakan seorang pengusaha ais krim pelbagai perisa. Kini beliau cuba mencipta perisa baru iaitu perisa cendol dan pudina.

Apakah ciri usahawan yang ada pada En. Ezham?

- A Positif
 - B Kreatif
 - C Inovatif
 - D Berinisiatif
- 36 Apakah langkah pertama dalam prosedur pendaftaran perniagaan milikan tunggal?
- A Membuat bayaran
 - B Menghantar permohonan
 - C Melengkapkan borang A
 - D Mengisi borang carian nama
- 37 Maklumat berikut adalah sebuah dokumen perniagaan.

(Dokumen A)
Kedai Bunga Cantik
No 13, Jalan BP, Taman Cheras Perdana, 43200 Cheras, Selangor
03-90759595
Tarikh : 1 Mac 2018
Kepada : Pengurus Akaun

Pemilik mengambil sejambak bunga ros untuk kegunaan peribadi.

Celine
(Pengurus)

Apakah dokumen tersebut?

- A Baucer pembayaran
- B Sijil Daftar Tunai
- C Memo
- D Resit

38 Pernyataan manakah yang tepat mengenai publisiti?.

- A Pempengaruh memperkenalkan restoran baharu yang tular di media sosial
- B Syarikat Berlian mengiklankan produk mereka secara pemasaran digital
- C Pasar Raya Cemerlang membuat cabutan bertuah pada setiap bulan
- D En. Samad menjual produknya kepada pelanggan secara langsung

39 Pilih butiran yang benar dalam Penyata Aliran Tunai.

	Penerimaan	Pembayaran
A	Pinjaman	Gaji
B	Insuran	Pinjaman
C	Jualan	Modal awal
D	Belian	Komisen

40 Antara yang berikut, elemen manakah perlu ada dalam rancangan pentadbiran bagi sebuah rancangan perniagaan?.

- I Kedudukan lokasi premis
- II Bentuk insentif pekerja
- III Jadual imbuhan dan gaji
- IV Susun atur ruang kedai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT